



LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **G1** yang **berdaftar** dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera**, mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus PATUH** beralamat di **Daerah Seberang Perai Utara Sahaja** dalam kod bidang seperti dinyatakan di bawah yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut:


NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN/JUAL	TARIKH TUTUP
LPNPP/14/2026	Kerja-Kerja Membina Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Serta Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Ampang Jajar, SPU.	G1 Kategori B & CE Pengkhususan B04, & CE21	<u>Iklan</u> 16 April 2026 <u>Jual</u> 22 April 2026	29 April 2026 12.00 Tengah Hari

2. Pembelian Dokumen Sebut Harga boleh dibuat di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) <https://www.lpnpp.gov.my/> mulai **22 April 2026 (Rabu)** dengan kadar bayaran sebanyak RM100.50 (termasuk caj perkhidmatan).
3. Cadangan Tawaran yang lengkap berserta maklumat pengalaman dan sesalinan dokumen seperti senarai semak hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebut Harga di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dikemukakan secara serahan tangan **sebelum jam 12.00 Tengahari pada 29 April 2026 (Rabu)** dan dimasukkan ke dalam:

LPNPP.(S).400-5/7/1 Jld.4 (84)

**Peti Tawaran Sebut Harga/Tender
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
Paras 20, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10503 Pulau Pinang**

4. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) juga berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
5. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi En Mohamad Farid Bin Kamal Azli, Penolong Eksekutif Teknikal (Bahagian Teknikal, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang) di talian 04-2290014.



.....
(NUR SURIA BINTI AHMAD)

Eksekutif Teknikal

b.p Pengurus Besar

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang